

Tauhid dan Kepimpinan Perempuan dalam *Salam Maria* Karya Fatimah Busu

FAISAL TEHRANI

ABSTRAK

Makalah ini menilai novel karya Fatimah Busu bertajuk *Salam Maria* (2004a) daripada sudut tauhid dan kepimpinan perempuan berasaskan al-Qur'an dan al-Hadis sebagai kayu-ukur. Di samping itu, digunakan juga pendekatan bandingan dengan beberapa buah karya di Indonesia, Timur Tengah dan Barat. Makalah ini mengingatkan tentang adanya 'kecuaian' yang serius dilakukan oleh pengarang novel *Salam Maria* iaitu menggunakan mitos, mimpi dan pengalaman sendiri sebagai sumber untuk membina simbol-simbol yang tidak relevan dengan Islam khususnya berkait dengan tauhid. Ini menyebabkan berlakunya kekaburuan dalam teks sehingga boleh menjelaskan aspek tauhid, iaitu tema yang ingin dikemukakan. Selanjutnya, di samping mengemukakan simbol yang bersifat kosmetik dan dapat mengelirukan pembaca, pengarang novel tersebut tidak berhati-hati dalam menggarap watak utamanya, iaitu Maria Zaitun, dengan menyuntik imej feminis yang tidak menepati kehendak ajaran Islam sebenarnya.

Kata kunci: Tauhid, beringin, animisme, 'kecuaian,' dan feminis

ABSTRACT

This paper evaluates a novel written by Fatimah Busu entitled *Salam Maria* from the Tawhid and women leadership perspectives based on the al-Qur'an and al-Hadis as its bench-mark. A comparative study is also undertaken with some Indonesian, Middle East and Western literature. This paper is to alert a serious 'carelessness' been done by the writer of the novel for taking myths, dreams and the novelist's own experiences to built irrelevance symbols to Islam teaching particularly that related to the Divine Unity of God (Tawhid). This has aroused ambiguity in the text which could derogate the aspect of Tawhid, the theme which the writer is seeking to articulate. Furthermore, other than presenting cosmetic symbols that could confuse the readers, the writer of the novel was in the state of negligent in portraying the novel's protagonist, Maria Zaitun, by injecting feminist image which is inconsistent with the true teaching of Islam.

Key words: Tawhid, banian tree (beringin), animism, 'carelessness,' and feminist.

Pengenalan

Salam Maria (2004a) adalah novel karya Fatimah Busu¹ dipilih sebagai data kajian tauhid dan kepimpinan perempuan kerana beberapa sebab. Pertama, dalam kertas kerjanya yang berjudul “Lapis Kesedaran Islam Dalam *Salam Maria*” (2005), pengarang novel ini menyebut “*Salam Maria* sebuah novel yang disengajakan membawa visi kesedaran Islam/imej Islam/unsur Islam.” Kedua, adanya catatan pada rangsang sari novel ini yang menyatakan *Salam Maria* pernah diterbitkan dengan judul *Hijrah* yang disiarkan sebagai novel bersiri di Majalah *Horison* pada tahun 1982 atas inisiatif seorang tokoh sastera Indonesia iaitu H.B Jassin. Majalah *Horison* adalah satu wadah sastera yang penting di republik tersebut. Majalah ini memuatkan karya-karya penulis berwibawa. Majalah *Horison* juga menjadi rujukan masyarakat dalam pelbagai isu sastera.

Sinopsis Novel *Salam Maria*

Salam Maria mengisahkan seorang wanita bernama Maria Zaitun yang telah difitnah oleh masyarakat sekeliling. Maria Zaitun memilih untuk tidak ‘menentang arus,’ dan bersabar mendepani pengusiran, termasuklah mengalami penghinaan dari masyarakat setempat. Ini telah membawa Maria Zaitun ke Hutan Beringin. Di situ Maria Zaitun telah berkenalan dengan Kimbung Tua dan telah diangkat sebagai pemimpin oleh sekumpulan wanita. Antara yang menjadi pengikut Maria Zaitun di situ ialah Mak Cik Ijuk, Mak Cik Lang, Mak Cik Jarah, Maznah, Arifah, Diana dan Nadirah. Maria Zaitun secara tidak sengaja telah menjadi pemimpin kepada sekumpulan wanita yang teraniaya di Hutan Beringin tersebut. Sebagai pemimpin spiritual, Maria Zaitun juga mengajar agama seperti praktik ibadah solat, puasa, dan pelbagai lagi ilmu agama. Perhatian yang diberikan oleh masyarakat sekeliling secara mendadak terhadap kepimpinan Maria Zaitun di situ tidak melekakannya. Maria Zaitun terus gigih menguruskan perkampungan bernuansa Islam di Hutan Beringin menerusi usaha niaga kecil-kecilan. Dia turut menerima bantuan antara lain dari Papa Wati, iaitu bapa kepada salah seorang gadis teraniaya dalam kumpulannya. Setelah digambarkan berkhidmat dengan penuh dedikasi kepada pengikut-pengikutnya seperti seorang wali Allah, Maria Zaitun telah pulang menemui ‘Kekasihnya’ dengan tenteram.

Gubahan Teks Salam Maria

Fatimah Busu mengenengahkan simbol-simbol abstrak dalam karyanya untuk dirungkai pembaca. Fatimah memanfaatkan sumber-sumber tempatan seperti mitos, kisah wayang kulit dan mimpi dalam penukangan novelnya ini. Aspek-aspek ini akan ditunjukkan secara lebih terperinci kelak.

Dalam wacana sastera Islam, penggunaan simbol sering dikaitkan dengan soal sufisme dan karya-karya yang memperkatakan sufisme. Menurut Muhammad Bukhari Lubis (1997: 100), sarjana yang mendalami sastera sufi antara dunia Parsi, Turki dan alam Melayu yang memetik al-Awadi menjelaskan, adalah satu kecenderungan biasa untuk penulis sufi memilih lambang yang tersembunyi dalam berkarya:

Al Awadi menulis: Suasana tasawuf, yang cuba disampaikan dalam puisi itu sendiri penuh dengan kekaburuan yang nyata. Kerana pernyataan secara langsung tidak dapat sepenuhnya menerangkan suasana tersebut. Para tokoh sufi cenderung untuk membangkitkan suasana itu dengan menggunakan perlambangan abstrak yang menjadi makna tersembunyi yang terpelihara di bawah perkataan luaran, dan ia dapat difahami oleh mereka yang layak sahaja.

Di samping itu, penggunaan simbol dalam sastera yang menampung ajaran kesufian juga dinamakan sebagai pengucapan *shathiyat*² atau ungkapan mistik (S.M Zakir 2000: 101-106). Ibnu Arabi, misalnya, membawa pengucapan gaya ini iaitu *shath* ke dalam dunia ilmu. Ahli sufi Khurasan, Abu Nasr al Sarraj telah mengembangkan gagasan *shath* ini. Harus dinyatakan *shath* hanya akan terjadi setelah ahli sufi melalui bermacam proses penyucian dan pemakaunan dari rasa batin di mana kemuncaknya ialah kepupusan ego diri manusia dan keamanan timbul dari jiwa yang suci. Oleh kerana itulah seorang ahli sufi terkenal, Sarraj, menyatakan *shath* adalah seumpamanya “air yang melimpah keluar tebing” kerana berlaku penyatuhan diri manusia dan Tuhan. Dalam keadaan ‘mabuk’ oleh kebenaran Tuhan dan jiwa yang sudah melalui penyucian, terucaplah bentuk-bentuk pengucapan yang mendatangkan simbol-simbol atau mutashabih (Carl W Ernst dan Syed Hossein Nasr 1994: 5-18).

Seajar dengan itu juga, sesetengah ajaran tareqat dalam ilmu kesufian, misalnya, menekankan simbolisme abjad.³ Simbol-simbol kesufian ini dapat ditemui dalam karya-karya klasik Melayu seperti *Hikayat Nur Muhammad*. Simbol burung, misalnya, mewakili ruh,

sehingga sesetengah prinsip kesufian dapat diungkapkan dengan penggunaan simbol-simbol ini⁴ (Bararudin Ahmad 2003: 476).

Penelitian terhadap aspek ciptaan *Salam Maria* menunjukkan terdapatnya kecenderungan oleh Fatimah Busu untuk mengemukakan simbol-simbol. Namun begitu, harus ditekankan di sini pemilihan simbol yang diterapkan dalam *Salam Maria* bagaimanapun bersifat struktural, iaitu ia diketengahkan semata-mata untuk ‘memperindah’ bentuk karya dan bukan bertujuan menghantar mesej tasawuf atau kesufian.

Fatimah Busu (2007: 47-48) menjelaskan alasan beliau meletakkan nama latar Hutan Beringin adalah untuk meminjam “cerita-cerita rakyat yang sering menggunakan pokok beringin sebagai lambang kebesaran.” Cerita rakyat ini menurut beliau sengaja disuntik dalam *Salam Maria* bagi mengayakan karyanya:

Inilah motif yang mendorong saya memilih nama Hutan Beringin dan Pekan Beringin untuk menampilkan mitos dalam *Salam Maria*. Walaupun Maria Zaitun bukan ‘raja’ yang duduk menanti gajah putih sakti menjemputnya ke Hutan Beringin, akan tetapi kehadirannya di Hutan Beringin, sudah dinantikan oleh Kimbung Tua yang mendapat alamat dalam mimpiinya. Dalam mimpiinya itu Kimbung Tua melihat ada seekor unggas warna hijau datang hinggap di atas bumbung rumahnya dan bersuara sangat merdu. Justeru kehadiran Maria Zaitun di Hutan Beringin itu adalah berfungsi ketua dan pembimbing bagi masyarakat di situ (2007: 47-48).

Penjelasan Fatimah di atas gagal menunjukkan bahawa simbol Hutan Beringin dan mitos yang beliau gunakan itu terbit daripada keperluan kukuh untuk menghuraikan agama Islam (dalam hal ini kesufian). Malah, penjelasan beliau mengukuhkan tanggapan bahawa penggunaan simbol dalam *Salam Maria* tidak dapat dihubungkan dengan pengemukaan simbol yang bermatlamat. Sebaliknya, ia dilakukan demi memenuhi matlamat “untuk menampilkan mitos” tanpa fungsi jelas seperti pengemukaan simbol kesufian. Simbol ‘pohon beringin’ ini ditampilkan dalam *Salam Maria* oleh Fatimah Busu% meminjam kata-kata beliau sendiri, “Saya memilih nama beringin kerana bunyinya sangat indah (2007: 175).”

Kajian ini berpendapat pengemukaan simbol ‘pokok beringin’ dalam *Salam Maria* adalah mengelirukan kerana ia tidak didasari oleh ajaran tauhid, sebaliknya diakui sendiri oleh Fatimah Busu sebagai “pokok beringin juga sering digunakan sebagai pokok yang berstatus suci dalam kepercayaan animisme” (2007: 47). Pengakuan Fatimah ini dapat menimbulkan tanda tanya dari aspek pengisian tauhid yang dibawa oleh *Salam Maria*. Sarjana H.O.K Rahmat (1983: 25-29) dalam kajiannya

mengenai kepercayaan pra-Islam atau animisme menyatakan dinamisme-animatisme bermakna kepercayaan adanya tenaga tidak berperibadi dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, dan benda-benda. Antara kepercayaan masyarakat Nusantara sebelum Islam adalah animisme iaitu mempercayai jiwa dan roh dapat mempengaruhi kehidupan alam manusia. Animisme ini membabitkan pemujaan dan perhambaan diri kepada kuasa yang berperibadi kerana orang berasa terikat kepadanya dan menyakini ia boleh mendatangkan nasib buruk atau nasib baik. Rahmat seterusnya menambah, keyakinan magis seperti ini membawa erti penguasaan terhadap tenaga ghaib dengan tindakan tertentu. Sementara keyakinan religis ialah pemujaan dan perhambaan diri kepada kuasa ghaib di mana manusia di sini mengharap perlindungan atau meminta sesuatu hajat kepadanya. Adalah jelas sekali kepercayaan animisme ini dan seumpamanya bertentangan dengan akidah Islam.

Fatimah seterusnya mendakwa pemilihan simbol ‘pohon beringin’ sebagai latar *Salam Maria* adalah kerana “pohon beringin adalah salah satu tumbuhan yang mendapat kedudukan tinggi dalam cerita-cerita rakyat, mitos dan lagenda” (Fatimah Busu 2007: 175). Hujah Fatimah di atas memang benar kerana totemisme pernah menguasai kepercayaan awal masyarakat rantau Nusantara. Totemisme bermaksud pegangan yang mempercayai diri manusia berasal dari sebangsa haiwan atau tumbuh-tumbuhan, atau antara mereka dengan haiwan atau tumbuh-tumbuhan itu ada pergantungan nasib. Justeru mereka menghormati haiwan atau tumbuhan tersebut sambil menganggapnya nenek moyang mereka, serta melarang ia dimakan melainkan pada upacara tertentu sahaja (H.O.K Rahmat S.H 1983: 34). Ulama terkenal Nusantara, Hamka (1965: 428) menekankan kepercayaan kepada kekuasaan alam ini adalah campuran fahaman dinamisme, animisme dan totemisme yang batil dan diamalkan sebelum ketibaan agama Hindu dan Buddha. Justeru, Hamka menegaskan aspek-aspek kepercayaan seperti ini tidak dapat diangkat atau dijadikan pedoman untuk umat Islam setelah kedatangan ajaran Islam yang menekankan tauhid. Dalam konteks ini, penjelasan Fatimah tentang pilihan simbolnya itu membangkitkan kekeliruan, memandangkan *Salam Maria* bernafas Islam, seperti dakwaannya sendiri.

Di Malaysia, kerangka sastera Islam yang mendapat sambutan hangat oleh kebanyakan pengarang ialah yang diperkenalkan oleh Shahnon Ahmad (Ungku Maimunah Mohd Tahir 1989). Sehubungan itu, Fatimah Busu, selaku pengarang *Salam Maria*, menyatakan novelnya ditulis “bukan untuk memenuhi kriteria mana-mana gagasan” (2007: xxi). Namun begitu, kajian ini berpendapat *Salam Maria* berada dalam acuan

sastera Islam yang diperkenalkan oleh Shahnon Ahmad itu. Antara hujah yang boleh diajukan ialah: pertama, sifat, aksi atau peristiwa yang baik dan mulia harus didedah dan ditunjukkan. Dalam *Salam Maria*, ini dapat dilihat pada aksi-aksi makruf Maria Zaitun dan jemaahnya. Kedua, sifat, aksi atau peristiwa yang buruk, hina dan boleh mendorong pembaca kepada kebatilan hendaklah sekadar diberitahu dan bukannya ditunjukkan dengan jelas serta menyeluruh. Aspek kebatilan dalam *Salam Maria* tidak diperincikan. Ketiga, pihak atau watak yang mendukung kebenaran hendaklah dimenangkan. Dalam hal ini Maria Zaitun yang menjadi mangsa fitnah disucikan namanya di akhir cerita. Ini menunjukkan bahawa *Salam Maria* beroperasi dalam landasan yang digariskan oleh Shahnon Ahmad.

Persoalan Tauhid Dalam *Salam Maria*

Fatimah Busu (2004b) menjelaskan *Salam Maria* mula-mula sekali diilhami dari sebuah puisi penyair Indonesia, W.S Rendra berjudul *Nyanyian Angsa*.⁵ Dalam puisi ini Maria Zaitun adalah seorang Kristian dan pelacur kelas bawah. Fatimah Busu bagaimanapun mengubah watak pelacur dari puisi tersebut lalu memberinya ‘wajah baharu’ iaitu seorang wanita Muslim yang ‘diwalikan’ kerana melakukan pelbagai kerja kebajikan, dakwah dan bersabar dengan segala dugaan termasuk cercaan masyarakat. Dalam novel *Salam Maria*, Maria Zaitun disuntik dengan ‘magis’ dan diunggulkan menerusi pelbagai keanehan yang dialaminya. Fatimah Busu menggambarkan pelbagai sifat baik wanita menerusi Maria Zaitun itu. Sebagai contoh Maria mengajar cara bersolat, mengajar membaca al-Qur'an, bercerita tentang sejarah hidup Nabi Muhammad SAW, dan menolong gadis yang terlanjur. Sifat baik Maria Zaitun tersebut dapat dilihat, misalnya, menerusi perenggan di bawah:

“Orang-orang di sini jarang-jarang yang sembahyang, kadang-kadang saja...

“Mengapa?”

“Mereka kata tidak tahu sembahyang.”

“Mengapa tidak belajar?”

“Tidak ada orang yang hendak ajar.”

“Tasnim mahu sembahyang?”

“Mahu.”

“Nanti lepas makan, kakak ajar Tasnim, mahu?”

(Fatimah Busu 2004a: 184)

Terlepas daripada manifestasi kemakrufan seperti yang dilihat di atas, *Salam Maria* memperlihatkan beberapa kontradiksi seperti kekaburuan moral yang signifikan dan kerancuan walayat atau kepimpinan Allah dan Rasulullah SAW. Kenyataan di atas akan dibuktikan kelak.

Kekaburuan moral dapat dilihat pada beberapa contoh. Dalam *Salam Maria*, digambarkan sebuah bangunan sebagai pelindung kepada orang miskin, musafir dan mereka yang bermasalah telah didirikan di Hutan Beringin untuk jemaah Maria Zaitun. Bangunan dua tingkat satu blok itu dibina sebagai satu amal jariah oleh watak papa Wati. Walau bagaimanapun, kemudiannya Maria Zaitun mengetahui kedudukan moral papa Wati yang menjalankan hubungan luar nikah dengan salah seorang pengikutnya bernama Maznah. Watak Maznah mengandung anak luar nikah dan dalam keadaan terdesak telah ‘membuang’ bayi tersebut. Wati juga telah diperkosa oleh ‘papa’ dan abangnya. Setelah kematian Maria Zaitun, bangunan yang didirikan oleh watak batil tersebut masih teguh berdiri, malah terus memberikan perlindungan. Kedudukan bangunan tersebut sebagai simbol yang signifikan dalam perkembangan cerita menunjukkan kekaburuan moral yang ketara dalam *Salam Maria*. Aspek ini juga menyebabkan ‘kebatilan’ tidak dikalahkan sepenuhnya.⁶ Perlu diingatkan bahawa kebatilan adalah aspek yang ditentang oleh konsep tauhid dalam Islam. Ketaatan kepada kebatilan sama ada secara sedar atau tidak adalah mematuhi ‘walayat taghut dan syaitan.’

Selain itu, sebagai seorang ‘pemimpin,’ sikap Maria Zaitun mendiamkan diri mengenai rahsia ‘bangunan’ tersebut dapat merosakkan citra masyarakat Islam yang cuba dibinanya di Hutan Beringin. Harus diingatkan, status sosial Maria Zaitun telah meningkat setelah ‘dilantik’ menjadi ketua. Ini berbeza halnya dengan kedudukan Maria Zaitun sebagai seorang individu dilanda fitnah oleh masyarakat sekeliling ketika berada di kota. Sebagai pemimpin, Maria Zaitun memiliki kuasa untuk menentukan sikapnya, khususnya terhadap penganiayaan yang berlaku ke atas Wati, salah seorang gadis yang dilindunginya. Ketiadaan tindakan Maria Zaitun ini dapat ditafsir sebagai ‘bersubahat’ dengan kezaliman yang berlaku ke atas Wati. Ini menjadikan kepimpinan Maria Zaitun terdedah kepada kerancuan. Persoalan ini akan dilanjutkan lagi nanti.

Lanjutan daripada analisis di atas, kerancuan walayat dalam novel ini dapat dibuktikan sekurang-kurangnya pada dua aspek.

Kerancuan Ilham

Aspek pertama yang dimaksudkan ialah kerancuan ilham. Fatimah Busu mengakui Maria Zaitun terilham berdasarkan puisi W.S Rendra berjudul *Nyanyian Angsa*. Maria Zaitun dalam *Nyanyian Angsa* adalah watak pelacur. Pengakuan Fatimah bahawa proses kreatifnya berkembang dari situ lalu terhasil watak Maria Zaitun yang lain, iaitu seorang muslim yang diberi pelbagai ‘keanehan’ mencapai taraf wali Allah ternyata adalah sesuatu yang mengelirukan. Kenyataan Fatimah Busu di bawah adalah bukti kepada hujah di atas:

Ilham menggunakan nama Maria Zaitun dalam *Hijrah* pada tahun 1980. Judul asal *Salam Maria* tercetus setelah membaca sajak *Nyanyian Angsa* dalam Blues Untuk Bonnie (W.S Rendra, Jakarta: Tjupumanik, 1971). Kisah Maria Zaitun seorang Kristian yang jadi pelacur kelas rendah yang miskin, tua dan hodoh, berpenyakit siplis mahu bertaubat sebelum ajalnya yang datang kian dekat. Ini sangat menusuk hati. Oleh keikhlasannya untuk mensucikan segala dosa, Maria Zaitun telah ditakdirkan bertemu dengan imej Jesus Christ dalam wajah seorang lelaki tampan di tepi sebuah kali ketika dia hendak makan makanan yang dipungutnya dari tong sampah di tepi jalan di kota (Fatimah Busu 2005).

Meskipun Fatimah Busu menegaskan bahawa Maria Zaitun yang beliau hidupkan adalah berbeza dengan Maria Zaitun yang digubah oleh W.S Rendra namun timbul tanggapan yang tidak dapat diabaikan begitu sahaja iaitu novel mengenai seorang wali Allah ini terilham dari watak seorang pelacur kelas bawahan yang bertaubat. Meskipun proses pembentukan watak tersebut terus berkembang dengan penambahan citra Maria Zaitun yang “ingin menolong wanita Islam supaya mengenali ibadat sembahyang,” titik tolak awal karya tersebut tidak bersumber dari ‘tradisi Islam’ iaitu al-Qur’an dan Sunnah. Hakikat bahawa Maria Zaitun dalam *Nyanyian Angsa* adalah seorang pelacur Kristian menjadikan ilham Fatimah Busu tersebut amat rancu. Hal ini, menurut Ungku Maimunah Mohd Tahir, menjadikan *Salam Maria* bertitik tolak dari sesuatu yang mengelirukan. Ini bermakna *Salam Maria* sebagai produk akhir sastera Islam tidak sepenuhnya dapat dipertanggungjawabkan kerana kerangka dan konsepsi Maria Zaitun tidak berpaksikan kepada tauhid, apatah lagi walayat Allah.⁷

Dalam bahagian sebelumnya, kajian juga telah menyinggung usaha Fatimah mengemukakan simbol ‘pokok beringin’ dalam *Salam Maria*. Simbol tersebut tidak dapat dihujahkan berdasarkan ajaran tauhid, sebaliknya, sebagaimana diakui sendiri oleh Fatimah Busu, ia adalah simbol yang ditemukan dari pokok yang “berstatus suci dalam kepercayaan animisme.” Hal ini tidak dapat dipandang remeh kerana: Pertama, produk sastera Islam haruslah bertitik-tolak dari premis tauhid, termasuklah penggunaan sumber ilham. Keduanya, latar Hutan Beringin yang dikemukakan dari ‘simbol animisme’ tersebut berfungsi menjadi tempat pencerahan keilmuan, ketauhidan dan kemurnian akhlak watak-watak *Salam Maria*. Dalam bidang penulisan kreatif, kedudukan latar amat dititik beratkan kerana lazim menjadi tampungan kepada isi cerita dan maksud pengarang 8 (Othman Puteh 1992: 26). Josip Novakovich (1995), salah seorang tokoh penulisan kreatif di Amerika Syarikat, menyatakan karektor adalah produk kepada latar. Tambah beliau lagi, latar adalah permulaan naratif di mana dari latarlah munculnya watak, dan dari situlah plot juga berkembang. Kenyataan beliau diturunkan di sini:

Out of place, a character is formed; out of character’s motives, plot may follow. This may sound like a psychological theory that the milieu is everything, that a character is a product of her environment (Josip Novakovich 1995: 28).

Berdasarkan hujah di atas, adalah sesuatu yang janggal menjadikan latar Hutan Beringin sebagai satu tempat pemurnian akhlak dan tauhid serta penyebaran ajaran Islam sedangkan ‘pohon beringin’ mewakili simbol animisme. Justeru tidaklah cocok sama sekali latar yang melambangkan ‘pokok suci’ dari fahaman animisme ini ‘melahirkan’ seorang tokoh pemimpin tauhid seperti Maria Zaitun. Seperti yang telah ditegaskan dari awal, pendedahan simbol ini dilakukan oleh Fatimah Busu sendiri. Oleh kerana simbol ‘latar’ tersebut tidak berasaskan tauhid, malah anti tauhid (kerana berteraskan fahaman animisme) maka ia memberi kesan kerancuan yang maksimum. Ini menguatkan tanggapan kajian ini bahawa memang terdapat kerancuan ilham yang mengelirukan wacana tauhid *Salam Maria*.

Kerancuan Aspek Feminisme

Aspek kedua kerancuan walayat ialah kedudukan Maria Zaitun sendiri sebagai pemimpin di Hutan Beringin. Keinginan pengarang untuk mengenangkan aspek feminism dapat dikesani menerusi pengakuan

Fatimah Busu yang *Salam Maria* ‘disuntik dengan imej’ wanita wali seperti Saidatina Khadijah Khuwailid, Mariam Imran, Asiah isteri Firaun, Fatimah Zahra, Rabeah al Adawiyah, dan Sayyidah Nafsiah⁹. Selain itu secara garapan idea, *Salam Maria* menonjolkan beberapa idea aras feminism. Sebagai misalan, selepas Maria Zaitun menemui Kimbung Tua di Hutan Beringin dia telah secara tidak langsung diangkat sebagai pemimpin oleh sekumpulan wanita. Antara yang menjadi pengikut Maria Zaitun kemudiannya ialah Mak Cik Ijuk, Mak Cik Lang, Mak Cik Jarah, Maznah, Arifah, Diana dan Nadirah. Hakikat bahawa Maria Zaitun menjadi pemimpin kepada sekumpulan wanita yang teraniaya secara fizikal dan seksual di Hutan Beringin menunjukkan ada kencenderungan yang sangat kuat pada pengarang untuk menonjolkan aspek feminism dalam *Salam Maria*. Contohnya, watak Wati yang diperkosa bapa dan abangnya sendiri mendapat perlindungan di Hutan Beringin dalam kumpulan yang dipimpin oleh Maria Zaitun itu.

Tanggapan adanya penonjolan aspek feminism ini dikuatkan lagi oleh pendirian Maria Zaitun untuk menolak lamaran Papa Wati untuk menjadi isteri keduanya. Meskipun alasan penolakan yang digunakan oleh Maria Zaitun ialah untuk menghambakan diri kepada Allah namun Mak Cik Lang menegaskan Maria Zaitun menolak lamaran Papa Wati kerana “mengetahui perbuatan Papa Wati terhadap Maznah dan tidak mahu tertipu lagi” (Fatimah Busu 2004a). Perasaan Papa Wati yang ditempelak setelah Maria Zaitun menolak lamarannya digambarkan:

Maria Zaitun bangkit. Papa Wati terlopong. Siapa sangka perempuan yang seingat-ingatnya kolot, berkelubung duduk terperosok dalam hutan cerang seperti itu boleh berbahasa Inggeris rupanya! Hatinya makin membara untuk memiliki perempuan yang keras kepala ini. Sedang perasaannya bagai dipulas-pulas dan berpintalan oleh rasa malu dan terhina. (Fatimah Busu 2004a: 537)

Garapan idea di atas dapat dijadikan hujah bahawa Fatimah Busu sebagai pengarang wanita berhasrat untuk memecahkan tradisi dan meletakkan keinginan sendiri. Keinginan yang dimaksudkan ialah pemberontakan terhadap kuasa patriarki. Hakikat bahawa Papa Wati adalah lelaki jahat yang memanipulasi wanita seperti Maznah dan Wati ditolak mentah-mentah oleh Maria Zaitun. Sebagaimana karya feminism yang lain, wanita tidak lagi boleh ditekan atau ditentukan oleh keputusan seorang lelaki. Kuasa yang ada pada lelaki dipindahkan kepada wanita. Dalam hal ini, Papa Wati yang selama ini adalah penindas wanita, dikalahkan dengan penolakan tegas Maria Zaitun.

Hujah di atas, misalnya, menjadi inti penting tulisan Sandra Gilbert dan Susan Gubar (1979) dalam ‘The Madwoman in the Attic: The Woman Writer and the Nineteenth Century Literary Imagination.’ Dalam tulisan mereka tersebut, Gilbert dan Gubar menyatakan terdapat pelbagai pendekatan, dengan menggunakan segenap daya kreativiti, untuk melepaskan watak wanita dari perangkap yang ada, khususnya perangkap yang disediakan oleh kepungan budaya yang didominasi lelaki. Gilbert dan Gubar berhujah:

Obsessive imagery of confinement that reveals the ways in which female artists feel trapped and sickened both by suffocating alternatives and by the culture that had created them (1979: 64).

Dalam usaha untuk menggunakan segenap daya kreativiti bagi membebaskan watak wanita dari perangkap yang ada inilah Fatimah Busu telah melakukan kerancuan walayat. Hal ini akan dibuktikan di bawah ini.

Sebagai permulaan perbincangan tentang perkara di atas, perlu diingat upaya mencipta formula pendekatan feminism dalam karya kreatif, misalnya, turut diterokai oleh feminis tersohor Elaine Showalter (1986) seperti yang telah beliau utarakan dalam eseи beliau ‘Towards a Feminist Poetics.’

Woman as the producer of textual meaning, with the history, genres and structures of literatures by women. Its subjects include the psychodynamics of female creativity; linguistics and the problem of female language; the trajectory of the individual or collective literary career; literary history; and of course, studies of particular writers and works (1986: 128).

Perenggan di atas memaparkan satu formula yang ditetapkan oleh Showalter dalam melihat bagaimana wanita melahirkan karya mereka dan menjadikan ia satu makna yang penting. Wanita menjadi sangat sentral dalam pendekatan ini. Wanita adalah karyawan, pengkritik, penyampai dan juga khalayak. Persoalan seperti psikodinamik kreativiti pengarang, aspek linguistik dan pelukisan wanita menerusi bahasa, termasuklah sejarah penulisan seseorang pengarang dan pelbagai lagi dijadikan penekanan. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Showalter ini juga ‘memuja’ garapan bahasa pengarang wanita yang dihubungkan dengan sifat *multifocal*. Sifat *multifocal* ini dihubungkan dengan tubuh badan wanita yang mempunyai banyak titik berahi. *Multifocal* juga dikaitkan dengan kebolehan wanita untuk mengerjakan banyak kegiatan

pada satu-satu waktu. Sifat *multifocal* ini tentu sahaja bertentangan dengan garapan bahasa pengarang lelaki yang disifatkan sebagai unifocal iaitu tertumpu, berpusat dan bertujuan untuk mengangkat kekuatan dan menegaskan kekuasaan mereka. Dalam erti kata lain sifat *multifocal* membabitkan gaya bahasa yang rancu, penuh leter, keluh-kesah dan tidak berpusat.

Dalam konteks ini Fatimah Busu sebagai pengarang *Salam Maria* telah memaparkan watak Maria Zaitun sebagai protagonis. Keadaan ini juga menepati saranan Gilbert dan Gubar, iaitu melihat bagaimana pengarang wanita menghasilkan karya mereka yang diterajui watak wanita. Dalam pada itu, salah satu persoalan dalam pendekatan feminism menerusi formula Showalter ialah memberi penekanan kepada aspek garapan bahasa¹⁰. Salah satu aspek tersebut ialah tautologi. Dan tautologi dianggap sebagai salah satu gejala *multifocal*.

Secara ringkasnya tautologi ialah kelewanan bahasa atau idea atau dalam bahasa asal redundant words or ideas (Cuddon J.A 1999: 902).¹¹¹¹ Juga lihat Roald, A.S 1998. Juga rujuk Freedman, 2001 dan Eisenstein. Z.R, 1986.

Harus diingatkan kembali sifat *multifocal* yang dikaitkan dengan wanita itu menggambarkan wanita yang boleh melakukan pelbagai aktiviti serentak. Contohnya wanita boleh sahaja memasak di dapur dan dalam masa yang sama mengasuh anak. Garapan bahasa yang bersifat *multifocal* juga dikatakan sebagai garapan bahasa yang tidak berpusat, bercabang-cabang dan pada ketika tertentu lewah atau tidak relevan. Hal ini dikaitkan dengan wanita kerana wanita cenderung untuk mengomel, mengeluh atau berleter. Justeru aspek tautologi sangat kuat berkait dengan sifat *multifocal* yang disaran oleh Showalter ini.

Oleh kerana tautologi ialah ‘kelewanan bahasa dan idea’ kajian mengesani dalam *Salam Maria* terdapat banyak contoh berlakunya kelewanan idea atau tautologi ini. Kajian hanya akan memetik dua contoh tautologi idea untuk menguatkan tanggapan tersebut.

Contoh pertama dilihat pada garapan watak Maria Zaitun yang masih baru tiba dan berkenalan dengan kumpulan pengikutnya di Hutan Beringin, telah digarapkan sebagai seorang guru agama yang baik hati, ikhlas dan suka membantu pengikutnya memahami pelbagai aspek ajaran Islam. Namun begitu, dalam pelukisan watak tersebut, Maria Zaitun diperlihatkan alpa terhadap persoalan sebenar iaitu konsep dan pemahaman terhadap tauhid. Sebaliknya, pengarang lebih berminat untuk menyogokkan kepada pembaca ajaran-ajaran asas fikah yang umum dan mudah diperolehi serta diketahui. Hal ini menjadi lebih aneh kerana

Maria Zaitun sebagai guru agama kepada pengikut-pengikutnya di Hutan Beringin, diandaikan menyedari bahawa urusan fikah adalah urusan kedua setelah pemahaman dan penghayatan terhadap urusan akidah selesai. Sukar untuk menghujahkan Maria Zaitun tidak memahami kepentingan konsep tauhid ini kerana sebelum mengajar cara-cara bersolat beliau telah memahami tuntutan mendalam konsep tauhid menerusi ayat 2 surah al-Baqarah (Fatimah Busu 2004a: 182). Ini menjadikan ajaran tauhid, yang relevan dan sepatutnya dominan itu, tetapi terabai. Sebaliknya, cara-cara sembahyang (2004a: 310-311) temasuklah cara solat sunat aidilfitri (2004a: 354), persoalan haidh dan nifas (2004a: 398 dan 401-403), boleh atau tidak menjadikan al-Qur'an sebagai hantaran perkahwinan (2004a: 436-437), hukum memakai alat solek (2004a: 464-465), dan pelbagai lagi hal tetek-bengek diangkat sebagai idea utama yang sebenarnya merupakan tautologi idea. Kutipan di bawah menjadi bukti bahawa Fatimah Busu menampilkkan tautologi idea atau idea yang tidak relevan dan lewah:

Saya tinggal di Hutan Beringin dengan nenek Kimbung Tua, baru seminggu. Hari Jumaat lepas, saya datang sembahyang Subuh di sini. Saya tengok banyak kain sembahyang, Qur'an, buku surah Yaasin di dewan solat wanita. Kalau boleh saya hendak minta beli sedikit dengan harga murah untuk orang-orang di sana. Mereka tidak sembahyang kerana tidak ada kain sembahyang, saya baru mula ajar mereka mengaji Qur'an. Sekarang hampir semua orang sudah sembahyang, tetapi kena pakai kain batik, baju lengan panjang dengan tudung kepala, bukan kain sembahyang.¹² (2004a: 256-257)

Perhatikan kenyataan bahawa Maria Zaitun baru tiba seminggu di Hutan Beringin, dan keinginannya yang besar untuk mengajar solat. Hanya setelah beberapa lama barulah Maria Zaitun mengajar beberapa konsep keimanan seperti persoalan syurga dan neraka (2004a: 320-321). Wajar dinyatakan di sini watak Maria Zaitun sejak awal novel lagi digambarkan seorang wanita yang pasrah kepada Allah (2004a: 14-15 dan 156-157)¹³ Dalam satu monolog Maria Zaitun dalam keretapi, watak ini digarap sebagai seorang yang memahami persoalan-persoalan tauhid sebagai asas kepada perjalanan hidup. Justeru tidak syak lagi minat besar pengarang terhadap aspek-aspek hukum fikah, cara bersolat, cara berpuasa dan berzakat adalah satu tautologi idea yang tidak disengajakan, hasil dari keinginan menggunakan pendekatan feminism. Maria Zaitun misalnya, memahami aspek-aspek tauhid sekitar persoalan ubudiyah atau pengabdian diri kepada Allah. Namun begitu, pokok pertama yang menjadi ajaran Maria Zaitun kepada pengikut-pengikutnya di Hutan Beringin yang serba serbi jahil itu adalah hal-hal fikah dan ibadat khusus yang amat praktis sifat dan penerangannya.

Contoh kedua dilihat apabila watak Maria Zaitun yang baru tiba di Hutan Beringin sering berasa risau dengan kejahilan pengikut-pengikutnya dalam hal agama. Sebagai misalan, perenggan berikut tidak relevan dalam kelincinan plot novel, tetapi ditinjau daripada aspek *multifocal*, maka Fatimah Busu telah mengemukakan tautologi sebagai satu gaya bahasa dan garapan cerita dari sudut pandangan wanita:

Apabila mengingatkan makanan yang dimakannya siang tadi dan tidak ada lagi makanan selepas itu kecuali sekeping roti, hati Maria Zaitun amat tertusuk. Sudah berapa lama kehidupan di sini berlangsung dalam keadaan begini...

“Ya Allah, ya Tuhan...” kata Maria Zaitun perlahan-lahan, “banyak yang hendak aku lakukan untuk orang-orang di sini. Aku akan usahakan untuk salurkan terus air dari pancuran ke rumah, nanti semua orang tidak payah angkat air dari pancuran lagi...tapi bagaimana...aku muah cari kenderaan untuk mereka ke pekan, biar mereka tidak payah berjalan tiga jam pergi tiga jam balik...kalau hujan bagaimana mereka akan berjalan sejauh itu...aku muah buat pagar keliling rumah ini...ia terlalu terdedah...tapi bagaimana...yang penting lagi aku muah ajar mereka al-Qur'an...aku muah mereka sembahyang...aku muah mereka takut kepada-Mu...aku muah mereka ikhlas menyembah-Mu...bagaimana Tuhanku? Bagaimana? Allahku, berilah petunjuk kepadaku?”

Lama juga Maria Zaitun memikirkan perkara-perkara yang hendak dilakukannya hingga matanya mulai mengantuk. Sejurus kemudian dia pun membaca surah al-Mulk sebagaimana dilakukannya pada setiap malam sebelum tidur.

“Ada pendapat ulama menyatakan,” kata ayahnya, “Lama dahulu, ada lapan golongan manusia yang tidak ditanya dalam kubur iaitu: Orang yang mati syahid, tentera yang mengawal musuh, orang mati kerana taun, orang yang mati ketika wabak taun sekiranya dia bersabar dan mengharapkan pahala, orang yang benar, kanak-kanak yang mati pada hari Jumaat, kanak-kanak yang mati pada malam Jumaat, orang yang membaca Surah al-Mulk setiap malam.” Kemudian Maria Zaitun membaca ayat-ayat akhir surah al-Fajr yang sentiasa dilafazkannya sebelum terlelap.

(Fatimah Busu 2004a: 202-203)

Lamunan panjang dan menerawang (le wah dan tidak relevan) Maria Zaitun tentang golongan manusia yang tidak disoal di alam barzakh ternyata tidak banyak membantu perjalanan cerita watak Maria Zaitun yang kini berasa dirinya adalah pemimpin dan guru agama kepada ‘jamaah Hutan Beringin.’ Ia juga memberi kesan maklumat seperti fadhilat surah al-Mulk tersebut ditempel-tempelkan tanpa sebab (le wah) dan tafsiran yang jelas serta mendalam (tidak relevan). Jika tautologi idea ini dilihat berdasarkan kerangka yang dikemukakan oleh Showalter iaitu *multifocal*, maka Fatimah Busu dapat dilihat sebagai sengaja mengenangkan tautologi idea dalam karyanya.

Oleh kerana terdapat banyak contoh tautologi idea seperti perenggan-perenggan di atas maka sukar untuk menolak sifat karya ini yang *multifocal*, seperti yang telah dikemukakan oleh Showalter menerusi pendekatan feminismenya.

Namun begitu, dalam konteks kajian ini, tautologi idea dalam *Salam Maria* bukanlah satu kelebihan. Tautologi idea seperti dua contoh di atas menunjukkan pengarang secara tidak langsung telah mengangkat isu-isu ranting dan remeh-temeh dalam ajaran Islam. Ini juga bermaksud ruang dan peluang untuk Fatimah Busu mengangkat isu dan subjek agama yang lebih mendalam, bernas, dan semasa dalam *Salam Maria* telah beliau abaikan. Hal ini dapat dihujahkan kerana seperti yang telah ditekankan di awal, Fatimah Busu mengakui *Salam Maria* telah ‘disuntik dengan imej’ wanita wali seperti Saidatina Khadijah Khuwailid, Mariam Imran, Asiah isteri Firaun, Fatimah Zahra, Rabeah al Adawiyah, dan Sayyidah Nafsiyah.

Adalah amat sukar untuk mempertanggungjawabkan wanita-wanita suci tersebut berada dalam kedudukan seorang pemimpin atau guru spiritual yang mengajar hal remeh-temeh mengenai Islam. Ini adalah kerana sejarah, malah al-Qur'an sendiri menunjukkan wanita wali yang dikemukakan oleh Fatimah Busu sebagai landasan pengkaryaan *Salam Maria* sama sekali tidak terlibat atau terjerumus dalam perbincangan hal-hal remeh-temeh yang dapat ditanggapi sebagai tautologi ini. Malahan, adalah sangat penting dan bermakna untuk ditekankan di sini Saidatina Khadijah Khuwailid, Mariam Imran, Asiah isteri Firaun, dan Fatimah Zahra telah diberi penghormatan dalam Islam kerana sumbangan besar mereka dalam aspek walayat Tuhan atau tegasnya perjuangan memaknakan tauhid.¹⁴ Al-Qur'an tidak pernah menghubungkan perjuangan keempat-empat wanita di atas dengan persoalan-persoalan lemah. Sebaliknya keempat-empatnya dibahaskan dalam al-Qur'an, dan Sunnah dengan persoalan tunjang iaitu walayat¹⁵ (Shahin Iravani 2005: 72-93).

Sebagai contoh Asiah isteri Firaun disebut sebagai wanita teladan untuk seluruh kaum mukmin. Hal ini ditekankan oleh Allah dalam ayat 11 surah at-Tahrim yang bermaksud: “Dan Allah membuat isteri Fir'aun sebagai perumpamaan bagi orang-orang yang beriman, ketika dia berkata: ‘Ya Tuhanku, bangunkanlah untukku di sisi-Mu sebuah rumah dalam surga dan selamatkanlah aku dari Firaun dan perbuatannya, dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim.’” Menurut Jawadi Amuli (2005: 166-167), doa Asiah di atas mengajar satu persoalan tauhid yang amat penting iaitu tawalla (menjadikan Allah sebagai walayat atau pelindung)

dan tabarra (berlepas diri dari musuh-musuh Allah atau berlepas diri dari walayat syaitan dan taghut). Prinsip tawalla ini, misalnya, terpancar pada permintaan Asiah supaya dibangunkan di sisi Allah sebuah rumah dalam syurga. Prinsip tabarra pula terlihat pada permintaan Asiah supaya diselamatkannya dirinya dari Fir'aun, dan perbuatannya, dan supaya diselamatkan dirinya dari kaum yang zalim, dan akhir sekali, adanya permohonan Asiah supaya dirinya dilindungi dari perbuatan kaum yang zalim. Kesempatan untuk membincangkan persoalan walayat menerusi model watak Asiah tidak disempurnakan pengarang *Salam Maria*. Malah, Maria Zaitun, yang mengetahui perbuatan Papa Wati atau Tan Sri Sari yang melakukan hubungan zina dengan Maznah dan memperkosa anaknya sendiri, tidak pun melaporkan hal tersebut kepada pihak berkuasa (Fatimah Busu 2004a: 527). Bahkan, bangunan yang didirikan oleh watak batil tersebut terus berfungsi memberikan perlindungan kepada ahli jamaah Maria Zaitun. Oleh kerana kedudukan bangunan tersebut sebagai ‘simbol yang signifikan’ dalam perkembangan cerita, menerusi watak Maria Zaitun pengarang telah secara tidak langsung membenarkan ‘walayat taghut dan syaitan’ mendapat tempat. Asiah yang berlepas diri dari kebatilan dan kemaksiatan telah dipilih oleh pengarang untuk menjadi ilham watak Maria Zaitun dalam *Salam Maria*, akan tetapi garapan perwatakan yang ada tidak menunjukkan Maria Zaitun berlepas diri dari kebatilan. Malah, ia digambarkan dengan sengaja memilih untuk memandamkan ejen kebatilan tersebut.

Fatimah Busu juga menghubungkan Maria Zaitun dengan Fatimah binti Rasulullah. Sekali lagi kesempatan yang baik untuk pengarang *Salam Maria* mengenengahkan walayat Tuhan sebagai aspek tauhid yang bermakna telah diabaikan. Kedudukan Fatimah az Zahra, misalnya, menjadi sangat penting dalam Islam kerana selain dari baginda menjadi penyandar kasih sayang Rasulullah SAW setelah kewafatan Saidatina Khadijah, Fatimah az Zahra juga di saat akhir hayatnya telah menuntut hak beliau iaitu tanah Fadak. Fatimah puteri Rasulullah SAW yang dipinjam oleh Fatimah Busu sebagai contoh tokoh pedoman adalah seorang wanita yang bangun secara politik untuk mengkritik ketidakadilan yang menimpa beliau dan keluarganya apabila pemerintah pada waktu itu enggan menyerahkan tanah pusakanya di Fadak. Peristiwa yang terjadi kepada Fatimah ini, misalnya, dapat disoroti menerusi Musnad Imam Ahmad, di mana Urwah bin Zubair melaporkan, ‘Fatimah marah lalu dia meninggalkan Abu Bakar, tidak henti-hentinya dia menjauhi Abu Bakar sehingga dia meninggal dunia¹⁶.’

Merujuk kepada insiden tersebut Shaharom TM Sulaiman dan Abdul Razaq Ahmad (2005) menegaskan ia menjadi bukti kekuatan peribadi Fatimah:

Dari dialognya dengan Abu Bakar, kita dapat melihat betapa Fatimah sangat menguasai kandungan al-Qur'an dan dapat berdalil dengan seluruh ayat-ayatnya pada tempat-tempatnya yang tepat. Fatimah juga bukan hanya belajar al-Qur'an, tetapi juga menyucikan jiwanya dengan ayat-ayat al-Qur'an serta memahami seluruh ayat-ayatnya yang berkaitan dengan hukum-hukum Allah. Sifat dan perilaku Fatimah ini amat bersesuaian dengan tanggungjawab sosial yang dipikulnya yang menyedari bahawa ia adalah penghulu segala wanita dan teladan wanita terbaik yang dianugerahkan Allah kepada para wanita sepanjang zaman (2005: 30)...

Dalam diri Fatimah, tergambar peranan sosial sebagai isteri, ibu, pejuang, yang meletakkan kepentingan masyarakat mengatasi kepentingan keluarganya dan dirinya sendiri. Sewajarnya golongan yang amat kuat memperjuangkan feminism mempelajari secara jujur kehidupan Fatimah (2005: 36).

Petikan-petikan di atas membuktikan kedudukan Fatimah sebagai 'pemimpin dan pejuang' yang tidak boleh dipandang ringan. Tambahan pula Fatimah disebut sebagai memain peranan sosial sesuai dengan statusnya selaku 'penghulu wanita di syurga.'

Menurut Ali Syariati (1993) pula, Fatimah dijadikan salah seorang wanita hebat dalam Islam bukan kerana baginda merupakan anak kepada Nabi Muhammad tetapi adalah kerana ketegasan Fatimah mempertahankan haknya di mana baginda melihat sekiranya haknya sendiri sebagai anak Rasulullah dapat dicabuli, maka hak-hak wanita dan orang mukmin lain juga berada dalam kedudukan yang rapuh. Kutipan dari filsuf terkenal tersebut dapat menjelaskan kedudukan Fatimah yang 'besar dan hebat' ini:

Demi mendapatkan kembali Fadak, dia tidak berdiam diri. Dia sentiasa berusaha menentang dan mengkritik. Dia cuba membuktikan kepada orang ramai bahawa Khalifah telah membala dendam politik terhadapnya dan memukul Ali secara ekonomi dengan tindakan merampas Fadak. Fadak adalah sebuah kawasan padang rumput ternakan yang kecil, dan jika ianya lebih besar pun, ini merupakan soal remeh untuk Fatimah melibatkan dirinya. Tetapi Fadak menjadi bukti penting yang mencerminkan rampasan dan tekanan kuasa rejim baru. Dengan menghidupkan masalah Fadak, dia cuba mengecam rejim tersebut. Dia membuktikan hak-hak yang mereka manafikan demi memenuhi tujuan mereka sendiri. Mereka tidak berusaha mengawalkan diri dari menyeleweng dari pesanan Rasulullah atau pengertiannya. Fatimah ingin

rakyat mengetahui sejauh mana, orang-orang yang menggelarkan diri pengikut sunnah Rasulullah, menubuhkan khilafat mereka sendiri atas dasar ini serta menindas keluarga Rasulullah. Mereka merampas hak setiap anak Islam untuk menerima dan hak setiap bapa untuk memberi (1993: 147)¹⁷.

Harus ditegaskan di sini kajian tidak berminat untuk mengungkap kebenaran atau kepalsuan kejadian tuntutan tanah Fadak ini. Begitu juga, kajian tidak berpihak dalam episod sejarah yang kontroversi tersebut. Kajian menyebutkan peristiwa ini sebagai menunjukkan betapa model rujukan Fatimah az Zahra yang didakwa oleh Fatimah Busu untuk Maria Zaitun dalam karyanya itu, tidak terpancar sama sekali, malahan ia menyalahi keperibadian unggul puteri Nabi Muhammad SAW tersebut.

Jika watak Fatimah az Zahra yang menurut Fatimah Busu dijadikan ilham Maria Zaitun diperkirakan, maka analisis menemui beberapa kontradiksi besar. Maria Zaitun membawa imej wanita lemah yang tidak melawan fitnah perempuan lacur yang dilemparkan masyarakat di kota, tetapi sebaliknya Maria Zaitun telah mlarikan diri dari fitnah itu ke Hutan Beringin. Maria Zaitun tidak melakukan apa-apa inisiatif untuk mempertahankan dirinya. Fatimah Busu, sebagai pengubah Maria Zaitun, tidak menjadikan watak tersebut sebagai seorang wanita tegas menyangkal fitnah. Kedua, sebagai pembela masyarakat, Maria Zaitun yang digubah sebagai pelindung sehimpunan perempuan noda yang mengandungkan anak luar nikah di Hutan Beringin, tidak menunjukkan satu sikap yang tegas (setegas Fatimah az Zahra yang menjadi ilham karya), terhadap apa yang berlaku. Maria Zaitun hanya menuntut supaya taubat dilakukan, dan tidak menyuarakan kejahatan Papa Wati kepada pihak sewajarnya. Papa Wati malah dibiarkan tanpa hukuman oleh pengarang.

Kerancuan yang dibahaskan dalam bahagian ini mungkin sahaja timbul kerana kekaburuan pengarang terhadap aspek feminism dalam Islam. Feminisme dalam Islam ialah perjuangan untuk meletakkan wanita Muslim di tempatnya dengan kekuatan kehendak dalam hal-hal keimanan dan prinsip-prinsip yang kukuh berdasarkan al-Qur'an (Halimah Krausen 2005: 94-106). 18 Jalaluddin Rakhmat (1991: 198), misalnya, menyatakan ‘definisi untuk seorang feminis Muslim’ ialah Fatimah az Zahra itu sendiri. Walaubagaimanapun peribadi seorang wanita Muslim yang terilham oleh Fatimah az Zahra seperti didakwa pengarang tidak tertonjol dalam *Salam Maria*.

Kesimpulan

Tidak dinafikan *Salam Maria* oleh Fatimah Busu bertujuan untuk mengangkat persoalan tauhid dalam karya. Namun begitu, selaku pengarang, Fatimah Busu lebih menumpukan perhatian kepada penerapan pelbagai ajaran fikah seperti cara-cara bersolat, puasa, haidh-nifas dan pelbagai lagi menerusi watak Maria Zaitun. Aspek tekal yang sepatutnya diangkat, iaitu tauhid dan kepimpinan perempuan, tidak menyerlah dengan baik dalam *Salam Maria*. Wacana tauhid dan kedudukan perempuan dalam Islam, misalnya, tidak dikemukakan secara signifikan. Muatan wacana yang sepatutnya membincangkan persoalan tauhid, akidah dan status wanita yang mulia dalam Islam tersudut akibat penumpuan aspek ranting seperti hukum-hakam fikah wanita.

Selain itu, yang lebih serius, pengemukaan simbol dalam *Salam Maria* adalah bersifat kosmetik dan dapat mengelirukan pembaca. Simbol ‘beringin,’ misalnya, diambil dari mitos pemujaan pohon beringin sebagai sesuatu yang besar dan suci. Untuk mengungkapkan persoalan keimanan dan tauhid, Fatimah Busu menampilkan pelbagai sumber dari bacaan dan rujukan tambahan termasuklah mitos, mimpi dan pengalaman sendiri. ‘Kecuaian’ merujuk sumber yang dilakukan oleh Fatimah Busu di satu pihak, menyebabkan berlakunya kekaburuan dalam teks sehingga boleh menjelaskan aspek tauhid yang ingin dikemukakan. Tambahan lagi, Fatimah Busu dapat dianggap tidak berhati-hati dalam menggarap watak Maria Zaitun dengan menyuntik imej feminis yang tidak menepati kehendak ajaran Islam sebenarnya.

Nota

¹ Fatimah Busu dilahirkan Januari 1943. Beliau memiliki Doktor Falsafah dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1994.

² S.M Zakir menjelaskan yang doktrin sufisme mempunyai definisi tersendiri dalam menjelaskan konsep keindahan. Makna keindahan sebenar dalam karya ialah keindahan hubungan hamba (makhluk) dengan tuannya Allah SWT. Hubungan ini akan diterjemahkan menerusi pemaparan *mahhabat* dengan *habbat* (pencinta dengan Yang Dicintai). Justeru, hubungan antara pencinta dan Yang Dicintai inilah yang membina satu makna terhadap konsep keindahan dalam ajaran kesufian. Dalam ajaran sufisme terdapat satu keadaan apabila ahli-ahli sufi dikatakan ‘berada dalam kemabukan atau tenggelam dalam perasaan (*zauq*).’ Ini berlaku sebagai contoh kerana ‘amalan mengingati dan mendekati diri dengan Allah SWT yang dilakukan secara terus-menerus dan melalui disiplin penyucian diri yang ketat dan keras’ seperti gerakan zikir. Proses tenggelam ini mengakibatkan muncul

‘ungkapan-ungkapan mistik daripada ahli-ahli sufi yang *zauq* tadi.’ Ungkapan mistik ini dinamai sebagai *shathiyat* dari akar kata *shath*.

- ³ Simbolisme abjad ialah apabila kaum sufi menyandangkan makna mistis pada abjad Arab, yang setiap hurufnya diketahui memiliki nilai numerik tertentu. Ia penting dalam amalan spiritual di mana dalam menentukan wirid yang sesuai untuk ahli tareqat, guru tareqat akan menggunakan aplikasi ini. Lihat Osman Bakar, 2003, hlm. 363.
- ⁴ Simbol burung (al-tayr) adalah salah satu di antara simbol-simbol yang paling universal digunakan untuk menggambarkan ruh manusia.
- ⁵ Dalam makalah ini novelis mengaku *Salam Maria* ‘disuntik dengan imej’ wanita wali seperti Saidatina Khadijah Khuwailid, Mariam Imran, Asiah isteri Firaun, Fatimah Zahra, Rabeah al Adawiyah, dan Sayyidah Nafsiyah. Novelis juga mengaku dalam kertas tulisannya, ‘Lapis Kesedaran Islam dalam *Salam Maria*’ bahawa *Salam Maria* diilhami oleh watak dalam puisi W.S Rendra. Lihat Fatimah Busu, 2005.
- ⁶ Aspek kekaburuan moral ini pertama kali diutarakan oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir dalam satu majlis bicara karya anjuran Jabatan Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 19 Januari 2006 menerusi kertas berjudul *Salam Maria* oleh Fatimah busu: satu analisis berdasarkan Persuratan Baru. Ia telah diterbitkan semula dan dikemaskini, lihat Ungku Maimunah Mohd Tahir, 2008, hlm. 239-270. Pengarang *Salam Maria*, Fatimah Busu telah mempertahankan karyanya dengan mendakwa beliau telah merujuk kepada beberapa ulama semasa dan selepas proses penulisan novel tersebut. Tokoh-tokoh yang dirujuk berpandangan sumber sesuatu derma atau sedekah tidak perlu diragui dan disiasat latar belakangnya. Lihat Fatimah Busu, 2007, hlm. 64-65.
- ⁷ Sebagaimana sebelumnya, kritikan ini dikemukakan oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir dalam majlis bicara karya yang sama iaitu pada 19 Januari 2006. Lihat Ungku Maimunah Mohd Tahir, 2008, halaman: 239-270. Dalam hal ini juga, Fatimah Busu selaku pengarang *Salam Maria* telah menjawab kritikan tersebut. Beliau antara lain menegaskan Maria Zaitun dalam *Salam Maria* berbeza dengan Maria Zaitun dalam puisi *Nyanyian Angsa* karya W.S Rendra. Fatimah Busu turut menjelaskan perkataan ‘salam’ yang beliau pilih sebagai judul ‘*Salam Maria*’ terilham berdasarkan lima pengertian yang antara lain ialah bermakna nama Allah, dan ucapan salam dalam solat. Lihat Fatimah Busu, 2007, hlm. 37-43.
- ⁸ Juga lihat Othman Puteh, 1993, hlm. 90-94.
- ⁹ Sejak karya Kate Millett berjudul *Sexual Politics* dalam tahun 1970 menempa nama dan membicarakan sikap terhadap watak-watak wanita dalam kesusteraan, pendekatan feminism telah menempuh pelbagai jalan dan berkembang sebagai sebuah teori dan bacaan politik gender. Salah satu perbincangan yang mendapat tempat dalam feminism ialah persoalan gender. Gender dalam hal ini bukanlah merujuk kepada kedudukan wanita dalam karya semata-mata tetapi ialah bagaimana mereka dikonstruksikan

secara budayanya. Pendekatan ini seterusnya bertujuan untuk mengeluarkan wanita dari terperangkap dalam kumpulan bisu (*muted group*). Secara mudahnya pengamal perjuangan feminism menuntut supaya watak wanita dibentuk dengan adil. Sebagai contoh watak wanita yang digambarkan sebagai cantik, seksi, memerlukan pergantungan, gila, perlu dikasihani, dan bodoh adalah satu upaya untuk membentuk peranan tidak adil untuk wanita. Wanita, misalnya, juga boleh dibentuk sebagai cantik tetapi independent, gigih, beriman, rasional dan berjaya. Dalam konteks kajian, tanggapan buruk dan penghinaan yang dialami oleh Maria Zaitun di kota telah ditebus oleh pengarangnya dengan ‘pengangkatan Maria Zaitun’ sebagai pemimpin di Hutan Beringin.

- ¹⁰ Elaine Showalter mencadangkan tiga gaya dan garapan bahasa untuk pengarang wanita. Pertama, penggunaan gaya bahasa yang khas dan berbeza dari gaya bahasa lelaki, yang dapat dikesani dalam intonasi, dialog, struktur ayat, gayapersembahan dan pada simbol-simbol yang ditampilkan. Kedua, bahasa wanita haruslah halus dan lembut kerana ini menggambarkan kelembutan tubuh wanita itu sendiri. Ketiga, garapan idea dan bahasa wanita perlu memiliki ciri *multifocal*. Lihat Showalter, Elaine, 1986, hlm. 128. Lihat juga, Siti Hajar Che Man, 2006, hlm. 17.

- ¹¹ Untuk keadilan kepada teks dan pengarangnya, lihat Fatimah Busu, 2007, hlm. 19-36. Pengarang menjelaskan beliau mengemukakan aspek-aspek ini dalam karya berdasarkan pengalamannya memerhatikan pengunjung masjid Bandar Bayan Baru yang aspek ibadah mereka kurang sempurna. Atas kesedaran untuk membetulkan keadaan ini, Fatimah mengungkapkan pengalaman tersebut dalam *Salam Maria*.

- ¹² Empat aspek ideal wanita Muslimah ini dirujuk kepada hadis, ‘Sesungguhnya wanita ahli syurga yang paling utama adalah Khadijah binti Khuwailid, Fatimah binti Muhammad SAW, Maryam Binti Imran, dan Asiah binti Mazahim.’ Hadis ini dapat ditemui dalam *Mustadrak al-Shahihain* Jilid 2, halaman 497. Al-Hakim menegaskan hadis ini adalah sahih. Hadis turut diriwayatkan dalam *Tafsir al-Durr al-Mantsur*, Jilid 8, hlm. 229.

- ¹³ Untuk status wanita dalam Islam sila lihat Afshar Haleh t.th, hlm. 200-202.

- ¹⁴ *Musnad Imam Ahmad*, hadis nombor 25, bab musnad Abu Bakar as-Siddiq r.a. Hadis yang dikutip merupakan hadis yang panjang berstatus sahih. Hadis yang sama dengan matan berbeza turut dimuatkan iaitu hadis nombor 9 dan 14. Dalam *Shahih Bukhari*, hadis mengenai perkara ini bernombor 2862 di bawah ‘kitab fardh al khumus.’ Versi *Shahih Bukhari* adalah seperti berikut: Bahwasanya Aisyah Ummul Mukminin, mengkhabarkan kepada Urwah bin az-Zubair, bahwasanya Fatimah, puteri Rasulullah SAW meminta kepada Abu Bakar selepas wafatnya Rasulullah SAW supaya dibahagikan juga kepadanya haknya terhadap harta yang ditinggalkan oleh Rasulullah daripada Fai’ (harta yang diperolehi oleh Nabi SAW tanpa melalui peperangan). Lalu Abu Bakar berkata kepadanya, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, “Kami (Harta kami) tidak diwarisi. Apa yang kami tinggalkan

menjadi sedekah.” Fatimah marah lalu dia meninggalkan Abu Bakar. Dia meninggalkannya sehingga dia wafat. Dia hidup selepas wafatnya Rasulullah SAW selama enam bulan.” Selain itu, Imam Shahrastani dalam *al Milal wa al-Nihal* menyatakan ‘perbalahan’ tentang tanah Fadak ini menyumbang kepada perpecahan umat Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Lihat Imam Shahrastani, 2006, hlm. xli. Peristiwa bersejarah ini turut dibincangkan dalam rujukan berikut: Dr Tawfiq Abu ‘Alam, 2001, hlm. 160-168. Hamid Enayat, 2006: hlm. 44. Mahmoud Ayoub, 1978, hlm. 49.

- ¹⁵ Lihat juga Sayyid Abul A’la Maududi, 1986, hlm. 206. Maududi menggunakan sumber-sumber Ahlus Sunnah wal Jamaah untuk mengungkap persoalan yang kontroversi ini. Juga lihat Dr Tawfiq Abu ‘Alam, 2001. Atau lihat peranan Fatimah dalam politik dengan merujuk Abdul Halim Abushegheh, 1990.
- ¹⁶ Bacaan lain untuk memahamkan persoalan feminism Islam ialah Mernissi F, 1993 dan Moghissi H, 1999.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 2003. *Islam: Fikrah, Harakah dan Daulah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, Shah Alam.
- Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali. 1998. *Pengantar Ilmu Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abu ‘Alam, Tawfiq. 2001. *Menghayati Kecemerlangan Diri Melalui Fatimah az-Zahra*. Terj. Husain Shahab. Shah Alam: Pustaka Hizbi.
- Abushegheh, Abdul Halim. 1990. *The Emancipation of Women During the Early Period of Islam*. Kuwait: Darul IIm.
- Afshar Haleh. t.th. An analysis of political strategies. Dlm. Yamani, Mai (pnyt.). *Feminism and Islam*. London: Ithaca.
- Al Maududi, Sayyid Abul A’la. 1986. *Khilafah dan Kerajaan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al Maududi, Sayyid Abul Ala. 1985. *Asas-asas Islam*. Terj. H.O.K Rahmat. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al Naysaburi, Abu Abdullah al-Hakim. t.th. *al-Mustadrak Jilid 2*. Lubnan: Dar al Ma’rifah.
- Amuli, Jawadi. 2005. *Keindahan dan Keagungan Wanita Pada Pandangan Ilahi*. Terj. Mudhor.
- Ayoub, Mahmoud. 1978. *Redemptive Suffering in Islam*. The Hague: Mouton Publishers.
- Baharudin Ahmad. 2003. Sastra Melayu. Dlm. Nasr, Syed Hossein (pnyt.). *Ensiklopedia Tematis Spiritualitas Islam*. Bandung: Mizan.
- Carl W, Ernst & Nasr, Sayyed Hossein (pnyt.). 1994. *Words of Ecstasy In Sufism*. New York: State University New York.
- Cuddon, J.A. 1999. *Literary Terms and Literary Theory*. England: Penguin Books.

- Eisenstein, Z.R. 1986. *The Radical Future of Liberal Feminism*. Boston: Northeastern University Press.
- Enayat, Hamid. 2006. *Modern Islamic Political Thought*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Fatimah Busu. 2004a. *Salam Maria*. Rawang: Absolute Press.
- Fatimah Busu. 2004b. Dari saat terakhir 1957 ke the missing piece 2004. *Dewan Sastera Jun*.
- Fatimah Busu. 2005. Lapis kesedaran Islam dalam *Salam Maria*. Bahan belum terbit.
- Fatimah Busu. 2007. *Nyanyi Sunyi Salam Maria VS Sarjana Nasi Dingin*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.
- Freedman, J. 2001. *Feminism*. Philadelphia: Open University Press.
- Gilbert, Sandra & Gubar, Susan. 1979. *The Madwoman In The Attic: The Woman Writer and The Nineteenth Century Literary Imagination*. New Haven: Yale University Press.
- H.O.K Rahmat S.H. 1983. *Pencemaran Akidah di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. 1965. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Imam Shahrastani. 2006. *Agama dan Ideologi*. Terj. Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iravani, Shahin. 2005. Perempuan-perempuan teladan dalam Islam dan al-Qur'an. Dlm. *Membela Perempuan*. Jakarta: Penerbit al Huda.
- Jalaluddin Rakhmat. 1991. *Islam Aktual: Refleksi Sosial Seorang Cendekiawan Muslim*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Krausen, Halimah. 2005. Kepribadian perempuan dalam al-Qur'an dan refleksi al-Qur'an mengenai perempuan dalam sejarah Islam. Dlm. *Membela Perempuan*. Jakarta: Penerbit al Huda.
- Mernissi, F. 1993. *Women and Islam: An Historical and Theological Enquiry*. Oxford: Kali For Women.
- Moghissi, H. 1999. *Feminism and Islamic Fundamentalism: The Limits of Postmodern Analysis*. London: Zed Book.
- Muhammad Bukhari Lubis (pnys.). 1997. Hubungkait sufisme dengan puisi. Dlm. *Kesusasteraan Islam: Sehimpunan Bahan Rujukan*. Bangi: Taj Fikriyah Reprints.
- Musnad Imam Ahmad. 2006. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Novakovich, J. 1995. *Fiction Writer's Workshop*. Cincinnati: Story Press.
- Osman Bakar, 2003. Tasawuf di dunia melayu-indonesia. Dlm. Nasr, Syed Hossein. (pnys.) *Ensiklopedia Tematis Spiritualitas Islam*, hlm. 339-376. Bandung: Mizan.
- Othman Puteh. 1992. *Persediaan Menulis Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 1993. *Penulisan Cerpen: Visi dan Langgam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roald, A.S. 1998. Feminist reinterpretation of islamic sources: muslim feminist theology in the light of christian tradition of feminist thought. Dlm. Ask, Karin & Tjornsland, Marit (pnys.). *Women and Islamization: Contemporary*

- Dimensions of Discourse on Gender Relations.* Berg, Oxford & New York: t.pt.
- S.M Zakir. 2000. Pengucapan *shathiyat* dalam estetika sufisme sebagai model estetika sastera. *Pangsura* Januari-Jun: 101-106.
- Shaharom TM Sulaiman & Abdul Razaq Ahmad. 2005. *Buku dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Yayasan Istana Abdul Aziz dan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahih Bukhari. 2002. Singapura: Darel Fajr Publishing House.
- Showalter, Elaine. 1986. Towards a feminist poetics. Dlm. *The New Feminist Criticism: Essays On Women Literature and Theory*. London: Virago.
- Siti Hajar Che Man. 2006. Kaedah baharu feminism dalam kritikan sastera. *Dewan Sastera* Februari: 17.
- Syariati, Ali. 1993. *Fatimah*. Terj. Wan Abdul Manan Wan Muda & Jomo K.S. Petaling Jaya: Penerbit Ikraq.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. 2001. Edisi ke-12. Kuala Lumpur: Darul Fikir dan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 1989. Sastera Islam: malaysias's literary phenomenon of the 1970s and 1980s. *The Muslim World* Julai-Oktober: 232-233.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2006. *Salam Maria* oleh fatimah busu: satu analisis berdasarkan persuratan baru. Kertas kerja Majlis Bicara Karya. Anjuran Jabatan Media Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 19 Januari.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2008. Dinamika pemikiran sastera melayu kuliah 4: persuratan melayu satu advokasi alternatif ‘sejarah’ dan ‘ilmu’?. Makalah Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan Mastera 2008.
- Wan Mohd Mahyiddin. 1996. *Kepemimpinan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.